



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 4 TAHUN 1992

BAYARAN BALIK LETAK KERETA

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk menjelaskan kaedah pelaksanaan **Bayaran Balik Letak Kereta** yang diperuntukkan di perenggan 52.1 [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991](#).

LATAR BELAKANG

2. Berikutan dengan pelaksanaan Sistem Saraan Baru mulai 1.1.1992, Kerajaan telah meluluskan Bayaran Balik Letak Kereta kepada anggota Perkhidmatan Awam yang disahkan oleh Ketua Jabatan perlu menggunakan kenderaan bagi menjalankan tugas rasmi. Bayaran balik letak kereta ini adalah

bertujuan mengatasi masalah anggota sektor awam yang terpaksa menyewa ruang letak kereta di pejabat masing-masing.

KAEDAH DAN SYARAT PEMBAYARAN

3. Syarat-syarat bagi anggota yang layak membuat tuntutan adalah seperti berikut:

- 3.1 disahkan oleh Ketua Jabatan bahawa anggota perlu menggunakan kenderaan sendiri untuk menjalankan tugas rasmi;
- 3.2 menyewa petak letak kereta yang terletak di perkitaran pejabat dan disewa secara bulanan;
- 3.3 tuntutan dibuat melalui tuntutan perjalanan bulanan pegawai;
- 3.4 Bayaran Balik Letak Kereta adalah berdasarkan resit; dan
- 3.5 had maksimum tuntutan tidak melebihi \$30.00 sebulan.

TARIKH KUATKUASA

4. Tarikh kuatkuasa Surat Pekeliling Perkhidmatan ini ialah 1 Januari 1992.

PEMAKAIAN

5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh Pihak Berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua Pentadbiran Negeri, Badan Berkanun dan Kuasa Tempatan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(HAJI ABDUL HALIM BIN ABDUL SALAM)
*Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA.

3 September 1992.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian,

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

s.k.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri,

Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun,

Semua Ketua Pengurusan Kuasa Tempatan.